

BETASOLVE CREAM

Betamethasone Valerate (0.1%w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Betasolve Cream
2. Bagaimana Betasolve Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Betasolve Cream
4. Cara menggunakan Betasolve Cream
5. Semasa menggunakan Betasolve Cream
6. Kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan pelupusan Betasolve Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Betasolve Cream

Betasolve Cream digunakan secara topikal untuk melegakan keradangan dan kegatalan pada kulit yang disebabkan oleh keadaan seperti ekzema, psoriasis, reaksi alahan kulit atau ruam.

Bagaimana Betasolve Cream berfungsi

Betasolve Cream mengandungi bahan aktif betamethasone valerate, iaitu kortikosteroid, yang berfungsi dengan mengurangkan keradangan, kemerahan dan bengkak pada kulit. Ia mengurangkan tindak balas berlebihan sistem imun, justeru membantu melegakan kegatalan dan kerengsaan.

Sebelum mengguna Betasolve Cream

– Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan jika:

- anda mempunyai alahan terhadap betamethasone valerate atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut)
- anda sedang dirawat untuk sebarang jangkitan kulit termasuk cacar air atau rosacea (kemerahan dan benjolan kecil pada muka).

– Sebelum mula menggunakan

Mengandung dan menyusukan anak

Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan bayi sebelum menggunakan sebarang ubat.

Elakkan menggunakan krim ini semasa mengandung melainkan diarahkan oleh doktor anda.

Jangan gunakan krim ini semasa menyusukan kerana ia boleh menjejaskan bayi walaupun risikonya rendah. Minta nasihat daripada doktor anda sebelum menggunakan ubat ini.

– Jika menggunakan ubat-ubatan lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat-ubatan lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil:

- ubat lain yang mengandungi sebarang steroid

Cara menggunakan Betasolve Cream

– Berapa banyak harus digunakan

Untuk kegunaan luaran sahaja.

Sapukan satu lapisan nipis krim pada kawasan yang terjejas.

– Bila perlu digunakan

Sapukan dua hingga tiga kali sehari, dan gosok secara perlahan sehingga krim meresap.

Setelah keadaan kulit bertambah baik, kurangkan penggunaan kepada sekali sehari atau seperti yang dinasihatkan oleh doktor anda.

Basuh tangan anda sebelum dan selepas menggunakan krim (kecuali kawasan yang terjejas adalah tangan anda).

– Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

– Jika terlupa menggunakan

Sapukan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapukan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

– Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Betasolve Cream

– Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Betasolve Cream.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

– Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Betasolve Cream kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

– Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan terkena mata, hidung dan mulut.

Jangan gunakan untuk tempoh yang lama, terutamanya pada bayi dan kanak-kanak, melainkan diarahkan oleh doktor.

Jangan gunakan pada kawasan kulit yang besar, luka, atau di bawah pembalut yang ketat melainkan dinasihatkan oleh doktor.

Jika anda mengalami kerengsaan kulit atau tindak balas kulit seperti rasa kulit terbakar atau penipisan kulit, hentikan penggunaannya dan dapatkan nasihat doktor.

Kesan Sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Betasolve Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Betasolve Cream biasanya tidak menyebabkan kesan sampingan, tetapi sekiranya ada, anda mungkin mengalami rasa terbakar, gatal-gatal atau kekeringan pada kulit.

Penggunaan jangka panjang boleh menyebabkan penipisan atau tanda regangan pada kulit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

BETASOLVE CREAM

Betamethasone Valerate (0.1%w/w)

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Betasolve Cream

– Penyimpanan

- Simpan pada suhu di bawah 30°C.
- Lindungi daripada cahaya.
- Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.
- Tutup bekas krim dengan rapat.

– Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

– Rupa dan warna produk

Betasolve Cream adalah krim berwarna putih.

– Bahan-bahan

- Bahan-bahan aktif
Betamethasone Valerate
- Bahan-bahan tidak aktif
Chlorocresol, cetomacrogol emulsifying wax, white soft paraffin, liquid paraffin, butylated hydroxytoluene, n-methylpyrrolidone, isopropyl myristate, propylene glycol, purified water.

– Nombor MAL:

MAL08051759AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Winwa Medical Sdn. Bhd.
1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3,
Taman I.K.S. Bukit Minyak,
14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

17/01/2025

Nombor siri

NPRA(R4/1)170125/00004